

## **BAB 4**

### **ANALISIS DATA**

#### **4.1 Pengenalan**

Bab ini akan menyatakan, menterjemah dan memperihalkan tentang dapatan-dapatan dari soal selidik yang telah diedarkan. Bab ini juga akan menjawab segala persoalan yang berkaitan dengan tujuan penyelidikan ini dilakukan. Penganalisaan dapatan akan dibahagikan kepada dua bahagian iaitu:

- A) Perihalan sampel kajian dan
- B) Menjawab soalan-soalan kajian.

Dalam sesuatu kajian, data merupakan unsur terpenting kerana ia merupakan maklumat yang memberi gambaran tentang sesuatu kejadian atau persoalan. Data yang berkaitan ialah data yang benar, tepat, lengkap dan dapat digunakan secara meluas. Ia boleh memberikan gambaran tentang sesuatu masalah secara menyeluruh. Dalam sesuatu kajian, data yang sebeginilah yang diperlukan untuk membuktikan atau untuk memperkuatkan lagi peryataan-peryataan berkaitan dengan perkara yang dianalisis.

## 4.2 Analisis kajian

### 4.2.1 Perihalan tentang latar belakang sampel kajian

- i) Jadual 1: Taburan sampel mengikut sekolah

Sekolah	% (N)
SMKA	44.9% (31)
SMA JAIS	55.1% (38)
Jumlah	100% (69)

Data dalam Jadual 1, menunjukkan bahawa sampel di SMKA ialah 44.9%(31), berbanding dengan sampel di SMA JAIS iaitu 55.1%(38). Ini bermakna sampel SMA JAIS lebih ramai dari sampel di SMKA.

- ii) Jadual 2: Taburan jantina sampel mengikut sekolah

Jantina % (N)	Sekolah	
	SMKA	SMA JAIS
Lelaki	58.1% (18)	55.3%(21)
Perempuan	41.9% (13)	44.7%(17)
Jumlah	100%(31)	100%(38)

Data dalam Jadual 2, menunjukkan bahawa sampel lelaki di SMKA lebih ramai, iaitu 58.1%(18) berbanding dengan sampel di SMA JAIS iaitu 55.3%(21).

Manakala sampel perempuan di SMKA ialah 41.9%(13) dan di SMA JAIS ialah 44.7%(17). Ini menunjukkan sampel perempuan di SMA JAIS lebih ramai dari sampel di SMKA.

iii) Jadual 3: Taburan bidang pengkhususan sampel mengikut sekolah

Pengkhususan % (N)	Sekolah	
	SMKA	SMA JAIS
Bahasa Inggeris	3.2%(1)	-
Sastera	6.5%(2)	-
Pengajian Am	-	4.2%(1)
Kemahiran Hidup	9.7%(3)	-
Bahasa Melayu	6.5%(2)	-
Geografi	-	8.3%(2)
Matematik	9.7%(3)	-
Usuluddin	6.5%(2)	4.2%(1)
Bahasa Arab	9.7%(3)	37.5%(9)
Pendidikan Islam	22.6% (7)	20.8%(5)
Sains	3.2%(1)	-
Pengajian Melayu	3.2%(1)	4.2%(1)
Kimia	3.2%(1)	-
Perakaunan	3.2%(1)	-
Biologi	6.5%(2)	-
Syari'ah Islamiyyah	-	20.8%(5)
Ekonomi	3.2%(1)	-
Perdagangan	3.2%(1)	-
Jumlah	100(31)	100(24)

Data dalam Jadual 3, kita akan dapat melihat tentang pengkhususan mata pelajaran atau kursus yang telah diikuti oleh sampel dari kedua-dua sekolah. Di SMKA sampel yang teramai adalah dalam bidang Pendidikan Islam iaitu 22.6%(7), manakala di SMA JAIS ialah sampel dalam bidang Bahasa Arab iaitu 37.5%(9).

Di SMKA tiada terdapat sampel dalam bidang Pengajian Am, Geografi dan Biologi. Manakala di SMA JAIS pula tiada terdapat sampel dalam bidang Bahasa Inggeris, Sastera, Kemahiran Hidup, Bahasa Melayu, Matematik, Sains, Kimia, Perakaunan, Biologi, Ekonomi, dan Perdagangan.

Melihat kepada data di atas juga, melalui kajian ini kita telah dapat melihat bahawa adanya kekurangan atau tidak terdapatnya guru-guru dalam pengkhususan yang dinyatakan di atas.

iv) Jadual 4: Taburan kelulusan tertinggi sampel mengikut sekolah

Kelulusan % (N)	Sekolah	
	SMKA	SMA JAIS
Ijazah	80.6%(25)	38.9%(14)
Diploma	3.2%(1)	41.7%(15)
Sijil Perguruan	16.1%(5)	16.7%(6)
Lain-lain	-	2.8%(1)
Jumlah	100%(31)	100%(36)

Data dalam Jadual 4, menunjukkan bahawa sampel yang berkelulusan ijazah di SMKA ialah 80.6%(25) bebanding 38.9%(14) di SMA JAIS. Lulusan Diploma pula ialah 3.2%(1) di SMKA, manakala 41.7%(15) di SMA JAIS. Lulusan Sijil Perguruan pula ialah 16.1%(5) di SMKA dan 16.7%(6) di SMA JAIS.

Ini bermakna di SMKA terdapat ramai sampel yang berkelulusan ijazah berbanding dengan sampel di SMA JAIS adalah sampel lulusan diploma yang lebih ramai. Dalam jadual di atas juga, data menunjukkan terdapatnya sampel dalam kategori lain-lain di SMA JAIS iaitu 2.8%(1).

v) Jadual 5: Taburan umur sampel mengikut sekolah

Umur % (N)	Sekolah	
	SMKA	SMA JAIS
Bawah 30 tahun	22.6%(7)	33.3% (12)
31 – 39 tahun	54.8% (17)	52.8% (19)
41 tahun ke atas	22.6%(7)	13.9%(5)
Jumlah	100%(31)	100%(36)

Data dalam Jadual 5, menunjukkan bahawa majoriti sampel dari kedua-dua sekolah adalah dalam lingkungan berumur dari 31 hingga 39 tahun. 54.8%(17) sampel di SMKA dan 52.8%(19) di SMA JAIS.

Sampel yang berumur 30 tahun ke bawah ialah 22.6%(7) di SMKA, manakala 33.3%(12) di SMA JAIS. Sampel yang berumur 41 tahun ke atas pula ialah 22.6%(7) di SMKA, manakala di SMA JAIS ialah 13.9%(5).

- vi) Jadual 6: Pemilikan komputer pada sampel mengikut sekolah

Pemilikan % (N)	Sekolah	
	SMKA	SMA JAIS
Peribadi	43.3% (13)	47.2%(17)
Bukan peribadi	56.7%(17)	52.8%(19)
Jumlah	100%(30)	100%(36)

Data dalam Jadual 6, menunjukkan bahawa jumlah sampel kajian yang tidak memiliki komputer adalah melebihi dari jumlah sampel yang memiliki komputer. Melihat kepada data tersebut, 43.3%(13) sampel di SMKA memiliki komputer, berbanding dengan sampel di SMA JAIS pula ialah 47.2%(17).

- vii) Jadual 7: Kelulusan Bahasa Inggeris di peringkat SPM sampel mengikut sekolah

B. Inggeris SPM % (N)	Sekolah	
	SMKA	SMA JAIS
Lulus	77.4%(24)	83.8%(31)
Gagal	22.6%(7)	16.2%(6)
Jumlah	100%(31)	100%(37)

Data dalam Jadual 7, menunjukkan bahawa sampel yang lulus Bahasa Inggeris peringkat SPM di SMKA ialah 77.4%(24), berbanding 83.8%(31) di SMA JAIS. Manakala yang gagal pula ialah 22.6%(7) di SMKA dan 16.2%(6) di SMA

JAIS. Ini bermakna peratus kelulusan Bahasa Inggeris bagi sampel di SMA JAIS adalah lebih baik. Begitu juga dengan peratus kegagalan.

- viii) Jadual 8: Latihan komputer (jika pernah diikuti) pada sampel mengikut sekolah

Pernah ikuti latihan? % (N)	Sekolah	
	SMKA	SMA JAIS
Ya	50.0%(15)	54.1%(20)
Tidak	50.0%(15)	45.9%(17)
Jumlah	100%(30)	100%(37)

Data dalam Jadual 8, menunjukkan bahawa 50%(15) sampel di SMKA pernah mengikuti latihan komputer secara formal. Berbanding 54.1%(20) dari sampel di SMA JAIS.

Manakala sampel yang tidak pernah mengikuti latihan komputer secara formal pula ialah 50%(15) di SMKA, berbanding dengan sampel dari SMA JAIS iaitu 45.9%(37).

- ix) Jadual 9: Kekerapan menggunakan komputer oleh sampel mengikut sekolah

Kekerapan % (N)	Sekolah	
	SMKA	SMA JAIS
Selalu	38.7%(12)	41.7%(15)
Kadang-kadang	48.4%(15)	41.7%(15)
Jarang-jarang	12.9%(4)	16.7%(6)
Jumlah	100%(31)	100%(36)

Data dalam Jadual 9, menunjukkan bahawa sampel yang selalu dalam kekerapan menggunakan komputer ialah 38.7%(12) di SMKA, berbanding 41.7%(15) adalah dari SMA JAIS.

Sampel yang kadang-kadang menggunakan komputer pula ialah 48.4%(15) dari SMKA, berbanding dengan 41.7%(15) sampel di SMA JAIS. Manakala sampel yang jarang-jarang dalam kekerapan menggunakan komputer pula ialah 12.9%(31) di SMKA, berbanding dengan sampel dari SMA JAIS ialah 16.7%(6).

- x) Jadual 10: Tempoh (jangkamasa) sampel telah menggunakan komputer mengikut sekolah

Tempoh % (N)	Sekolah	
	SMKA	SMA JAIS
Kurang 5 tahun	35.7%(10)	47.8%(11)
6 – 10 tahun	32.1%(9)	43.5%(10)
10 tahun ke atas	32.1%(9)	8.7%(2)
Jumlah	100%(28)	100%(23)

Data dalam Jadual 10, menunjukkan bahawa sampel yang kurang dari lima tahun dalam menggunakan komputer ialah 35.7%(10) di SMKA, berbanding dengan 47.8%(11) adalah sampel di SMA JAIS.

Sampel yang telah menggunakan komputer dalam tempoh 6 hingga 10 tahun pula ialah 32.1%(9) dari SMKA, manakala 43.5%(10) pula adalah sampel dari SMA JAIS.

Sampel yang telah menggunakan komputer melebihi 10 tahun ke atas pula ialah 32.1%(9) di SMKA, berbanding dengan 8.7%(2) dari SMA JAIS. Ini bermakna semua sampel yang terlibat adalah pernah menggunakan komputer.

#### 4.2.2 Analisis kepada soalan-soalan kajian secara terperinci

1. Apakah perbezaan dalam peratusan guru-guru yang berkemahiran terhadap penggunaan perisian aplikasi seperti yang dinyatakan:
  - i) Sistem operasi.
  - ii) Pemprosesan perkataan.
  - iii) Pengkalan Data.
  - iv) Lembaran Elektronik.
  - v) Pakej Grafik & Persembahan.
  - vi) Pakej Pengarangan Multimedia.
  - vii) Pakej Perakaunan.

Merujuk kepada soalan di atas, data dalam Jadual 11, menunjukkan bahawa kemahiran sampel terhadap penggunaan sistem operasi (DOS) dalam kategori mahir adalah sedikit iaitu 8.3%(2) bagi sampel SMKA dan 11.4%(4) bagi sampel di SMA JAIS berbanding dengan yang agak mahir iaitu 50%(12) bagi sampel SMKA dan 80%(28) bagi sampel SMA JAIS. Manakala yang tidak mahir pula ialah 41.7%(10) bagi sampel SMKA dan 8.6%(3) bagi sampel SMA JAIS.

Dalam kemahiran penggunaan pemprosesan perkataan, sampel SMKA adalah 26.9%(7) dalam kategori mahir, 46.2%(12) dalam kategori agak mahir, dan 26.9%(7) tidak mahir, manakala bagi sampel SMA JAIS pula, 35.3%(12) adalah mahir, 52.9%(18) agak mahir, dan 11.8%(4) tidak mahir.

Jadual 11: Perbandingan peratusan sampel terhadap kemahiran penggunaan aplikasi komputer

Kemahiran % (N)	Sekolah			SMA JAIS			Jumlah 100%
	M	AM	TM	M	AM	TM	
Sistem operasi	8.3(2)	50(12)	41.7(10)	(24)	11.4(4)	80(28)	8.6(3) (35)
Pemprosesan perkataan	26.9(7)	46.2(12)	26.9(7)	(26)	35.3(12)	52.9(18)	11.8(4) (34)
Pengkalan Data	4.2(1)	58.3(14)	37.5(9)	(24)	22.2(6)	63(17)	14.8(4) (27)
Lembaran Elektronik	8.7(2)	39.1(9)	52.2(12)	(23)	8(2)	68(17)	24(6) (25)
Grafik & Persembahan	11.5(3)	46.2(12)	42.3(11)	(26)	30.8(8)	38.5(10)	30.8(8) (26)
Pengarangan Multimedia	23.8(5)	76.2(16)	(21)	17.4(4)	34.8(8)	47.8(11)	(23)
Perakaunan	-	23.8(5)	76.2(16)	(21)	15(3)	45(9)	40(8) (20)

M = Memuaskan  
 AM = Agak memuaskan  
 TM = Tidak memuaskan

Dalam kemahiran penggunaan pengkalan data pula, bagi sampel SMKA, 4.2%(1) adalah mahir, 58.3%(14) agak mahir, dan 37.5%(9) adalah tidak mahir. Manakala sampel SMA JAIS pula, 22.2%(6) adalah mahir, 63%(17) agak mahir, dan 14.8%(4) adalah tidak mahir.

Kemahiran penggunaan lembaran elektronik pula, 8.7%(2) sampel SMKA adalah mahir, 39.1%(9) agak mahir, dan 52.2%(12) adalah tidak mahir. Manakala bagi sampel SMA JAIS pula, 8%(2) adalah mahir, 68%(17) agak mahir, dan 24%(6) adalah tidak mahir.

Kemahiran penggunaan grafik dan persembahan pula, 11.5%(3) sampel SMKA adalah mahir, 46.2%(12) agak mahir, dan 42.3%(11) adalah tidak mahir. Manakala bagi sampel SMA JAIS pula, 30.8%(8) adalah mahir, 38.5%(10) agak mahir, dan 30.8%(8) adalah tidak mahir.

Dalam kemahiran penggunaan pengarangan multimedia, bagi sampel SMKA, tiada sampel dalam kategori mahir, 23.8%(5) agak mahir, dan 76.2%(16) adalah tidak mahir. Manakala sampel SMA JAIS pula, 17.4%(4) adalah mahir, 34.8%(8) agak mahir, dan 47.8%(11) adalah tidak mahir.

Kemahiran penggunaan pakej perakaunan pula, bagi sampel SMKA, tiada sampel dalam kategori mahir, 23.8%(5) agak mahir, dan 76.2%(16) adalah tidak

mahir. Manakala sampel SMA JAIS pula, 15%(3) adalah mahir, 45%(9) agak mahir, dan 40%(8) adalah tidak mahir.

Ini bermakna, jika dibandingkan hasil analisis tersebut, sampel dari kedua-dua sekolah adalah lebih ramai majoritinya yang boleh menguasai kemahiran penggunaan pemprosesan perkataan. Begitu juga kemahiran dalam menggunakan grafik dan persembahan. Manakala dalam kemahiran bagi penggunaan pengarangan multimedia dan perakaunan, tiada terdapat guru dari SMKA berbanding dengan guru-guru di SMA JAIS. Selain dari itu, jika dibandingkan, sampel dari SMA JAIS adalah lebih ramai majoritinya yang boleh menguasai sistem operasi (DOS).

2. Apakah perbezaan dalam peratusan guru-guru dalam kekerapan menggunakan komputer untuk tujuan membantu tugas-tugas rasmi sebagai guru atau kerja-kerja perkeranian.

- i) Menyimpan rekod pelajar/ akademik/ ko-kurikulum.
- ii) Menaip dokumen/ surat/ soalan ujian/ peperiksaan.
- iii) Merancang dan menyediakan jadual waktu.
- iv) Membantu dalam pendaftaran peperiksaan.
- v) Membantu dalam analisis peperiksaan.
- vi) Membantu dalam analisis kehadiran pelajar.

Jadual 12: Perbandingan peratusan sampel terhadap tujuan penggunaan yang melibatkan tugas rasmi dan perkeranian

Tugas rasmi & kerja perkeranian % (N)	Sekolah			SMA JAIS			Jumlah 100%
	K	AK	SJ	K	AK	SJ	
Simpan rekod	18.2(4)	45.5(10)	36.4(8)	(22)	27.3(6)	50(11)	22.7(5)
Menaip	39.3(11)	39.3(11)	21.4(6)	(28)	32.1(9)	57.1(16)	(22)
Sedia jadual	7.1(1)	57.1(8)	35.7(5)	(14)	20(4)	65(13)	10.7(3)
Daftar peperiksaan	15.4(2)	53.8(7)	30.8(4)	(23)	18.8(3)	31.3(5)	(20)
Analisis pep.	18.2(2)	45.5(5)	36.4(4)	(11)	20(3)	46.7(7)	(16)
Analisis kehadiran	10(1)	40(4)	50(5)	(10)	13.3(2)	53.3(8)	33.3(5)
Inventori	9.1(1)	54.5(6)	36.4(4)	(11)	18.2(2)	54.5(6)	(15)
Kewangan pelajar	20(2)	20(2)	60(6)	(10)	18.2(2)	72.7(8)	27.3(3)
Proses P & P	18.2(4)	68.2(15)	13.6(3)	(22)	26.9(7)	61.5(16)	9.1(1)
							(11)
							(26)

K = Kerap  
 AK = Agak kerap  
 SJ = Sangat jarang

- vii) Membantu dalam menyimpan (inventori) stok alatan makmal/ bengkel dan lain-lain.
- viii) Membantu dalam menyimpan akaun/ kewangan pelajar.
- ix) Membantu dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Merujuk kepada soalan di atas, data dalam Jadual 12, menunjukkan tentang perbandingan peratusan sampel terhadap tujuan penggunaan yang melibatkan tugas-tugas rasmi dan perkeranian. Untuk tujuan menyimpan rekod pelajar/ akademik/ ko-kurikulum, bagi sampel SMKA, dalam kategori kerap adalah 18.2%(4), 45.5%(10) agak kerap, dan 36.4%(8) adalah sangat jarang. Manakala bagi sampel SMA JAIS pula, 27.3%(6) adalah kerap, 50%(11) agak kerap, dan 22.7%(5) adalah sangat jarang.

Untuk tujuan menaip dokumen/ surat/ soalan ujian/ peperiksaan, bagi sampel SMKA, dalam kategori kerap adalah 39.3%(11), 39.3%(11) juga agak kerap, dan 21.4%(6) adalah sangat jarang. Manakala bagi sampel SMA JAIS pula, 32.1%(9) adalah kerap, 57.1%(16) agak kerap, dan 10.7%(3) adalah sangat jarang.

Untuk tujuan merancang dan menyediakan jadual waktu, bagi sampel SMKA, dalam kategori kerap adalah 7.1%(1), 57.1%(8) juga agak kerap, dan 35.7%(5) adalah sangat jarang. Manakala bagi sampel SMA JAIS pula, 20%(4) adalah kerap, 65%(13) agak kerap, dan 15%(3) adalah sangat jarang.

Untuk tujuan membantu dalam pendaftaran peperiksaan, bagi sampel SMKA, dalam kategori kerap adalah 15.4%(2), 53.8%(7) agak kerap, dan 30.8%(4) adalah sangat jarang. Manakala bagi sampel SMA JAIS pula, 18.8%(3) adalah kerap, 31.3%(5) agak kerap, dan 50%(8) adalah sangat jarang.

Untuk tujuan membantu dalam analisis peperiksaan, bagi sampel SMKA, dalam kategori kerap adalah 18.2%(2), 45.5%(5) agak kerap, dan 36.4%(4) adalah sangat jarang. Manakala bagi sampel SMA JAIS pula, 20%(3) adalah kerap, 46.7%(7) agak kerap, dan 33.3%(5) adalah sangat jarang.

Untuk tujuan membantu dalam analisis kehadiran pelajar, bagi sampel SMKA, dalam kategori kerap adalah 10%(1), 40%(4) agak kerap, dan 50%(5) adalah sangat jarang. Manakala bagi sampel SMA JAIS pula, 13.3%(2) adalah kerap, 53.3%(8) agak kerap, dan 33.3%(5) adalah sangat jarang.

Untuk tujuan inventori stok peralatan, bagi sampel SMKA, dalam kategori kerap adalah 9.1%(1), 54.5%(6) agak kerap, dan 36.4%(4) adalah sangat jarang. Manakala bagi sampel SMA JAIS pula, 18.2%(2) adalah kerap, 54.5%(6) agak kerap, dan 27.3%(3) adalah sangat jarang.

Untuk tujuan membantu menyimpan akaun/ kewangan pelajar , bagi sampel SMKA, dalam kategori kerap adalah 20.2%(2), 20.2%(2) juga agak kerap, dan

60%(6) adalah sangat jarang. Manakala bagi sampel SMA JAIS pula, 18.2%(2) adalah kerap, 72.7%(8) agak kerap, dan 9.1%(1) adalah sangat jarang.

Untuk tujuan membantu proses pengajaran dan pembelajaran, bagi sampel SMKA, dalam kategori kerap adalah 18.2%(4), 68.2%(15) juga agak kerap, dan 13.6%(3) adalah sangat jarang. Manakala bagi sampel SMA JAIS pula, 26.9%(7) adalah kerap, 61.5%(16) agak kerap, dan 11.5%(3) adalah sangat jarang.

Secara keseluruhannya, majoriti guru-guru dari kedua-dua sekolah adalah kerap menggunakan komputer untuk tujuan menaip dokumen/ surat/ soalan ujian/ peperiksaan. Melihat kepada analisis ini juga, perkara yang sangat jarang dilakukan oleh guru-guru ialah menggunakan komputer untuk tujuan membantu dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran bagi guru SMKA dan membantu menyimpan akaun/ kewangan pelajar bagi guru-guru SMA JAIS.

3. Apakah perbezaan dalam peratusan guru-guru terhadap kekerapan menggunakan komputer untuk tujuan bermain 'computer games' dan membuat kerja-kerja peribadi yang tiada kaitan dengan kerja sekolah.

Merujuk kepada soalan di atas, data dalam Jadual 13, menunjukkan tentang perbandingan peratusan sampel terhadap tujuan penggunaan untuk bermain 'games' dan melakukan kerja-kerja peribadi. Untuk tujuan bermain 'games', bagi sampel SMKA, dalam kategori kerap adalah 25%(6), 29.2%(7) agak kerap, dan

Jadual 13: Perbandingan peratusan sampel terhadap penggunaan komputer untuk bermain 'games' dan kerja peribadi

Sekolah		SMKA			SMA JAIS				
Guna komputer untuk	%(N)	K	AK	SJ	Jumlah 100%	K	AK	SJ	Jumlah 100%
Bermain 'games' Kerja-kerja peribadi		25(6) 21.7(5)	29.2(7) 60.9(14)	45.8(11) 17.4(4)	(24) (23)	43.5(10) 20.8(5)	17.4(28) 62.5(15)	39.1(9) 16.7(4)	(23) (24)

K = Kerap  
 AK = Agak kerap  
 SJ = Sangat jarang

45.8%(11) adalah sangat jarang. Manakala bagi sampel SMA JAIS pula, 43.5%(10) adalah kerap, 17.4%(28) agak kerap, dan 39.1%(9) adalah sangat jarang.

Untuk tujuan membuat kerja-kerja peribadi pula, bagi sampel SMKA, dalam kategori kerap adalah 21.7%(5), 60.9%(14) agak kerap, dan 17.4%(4) adalah sangat jarang. Manakala bagi sampel SMA JAIS pula, 20.8%(5) adalah kerap, 62.5%(15) agak kerap, dan 16.7%(4) adalah sangat jarang.

Secara keseluruhannya, melalui analisis daripada soalan ini, dapat dirumuskan bahawa kekerapan penggunaan komputer oleh guru SMA JAIS untuk tujuan bermain 'games' adalah melebihi peratusan guru di SMKA.. Berbeza dengan penggunaan komputer untuk tujuan membuat kerja-kerja peribadi, peratusan guru-guru di kedua-dua sekolah adalah hampir seimbang.

4. Apakah perbezaan dalam peratusan guru-guru terhadap kepuasan terhadap kerjasama yang diperolehi dari pihak kementerian atau jabatan dan kerjasama dari rakan sekerja.

Merujuk kepada soalan di atas, data dalam Jadual 14, menunjukkan perbandingan peratusan sampel terhadap kepuasan dari kerjasama yang diperolehi dari pihak kementerian dan jabatan serta rakan sekerja dalam penggunaan komputer. Bagi sampel SMKA, mereka berpendapat, kerjasama yang

Jadual 14: Perbandingan peratusan sampei terhadap kepuasan kerjasama dari kementerian atau jabatan dan rakan sekerja

Sokongan & kerjasama %	Sekolah			SMA JAIS			Jumlah 100%	
	SMKA		SMA JAIS					
	M	AM	M	AM	TM	TM		
Kementerian/jabatan	39.1(9)	52.2(12)	8.2(2)	(23)	33.3(8)	54.2(28)	12.5(3)	
Rakan sekerja	63(17)	33.3(9)	17.4(4)	(27)	44.8(13)	48.3(14)	(24)	

M = Memuaskan  
 AM = Agak memuaskan  
 TM = Tidak memuaskan

diperolehi dari pihak kementerian dan jabatan dalam kategori memuaskan adalah 39.1%(9), 52.2%(12) agak memuaskan, dan 8.2%(2) adalah tidak memuaskan. Manakala bagi sampel SMA JAIS pula, 33.3%(8) adalah memuaskan, 54.2%(28) agak memuaskan, dan 12.5%(3) adalah tidak memuaskan.

Manakala kerjasama yang diperolehi dari rakan sekerja pula, bagi sampel SMKA, dalam kategori memuaskan adalah 63%(17), 33.3%(9) agak memuaskan, dan 17.4%(4) adalah tidak memuaskan. Berbanding bagi sampel SMA JAIS, 44.8%(13) adalah memuaskan, 48.3%(14) agak memuaskan, dan 6.9%(2) adalah tidak memuaskan.

Berdasarkan kepada analisis di atas, peratusan kepuasan terhadap aspek-aspek yang menyatakan tentang kerjasama kementerian atau jabatan dan rakan sekerja, ianya adalah hampir seimbang. Secara terperinci, peratusan guru SMKA adalah melebihi peratusan guru-guru dari SMA JAIS, di kedua-dua aspek.

##### 5. Apakah perbezaan dalam peratusan guru-guru terhadap kekerapan melayari internet.

Merujuk kepada soalan di atas, data dalam Jadual 15, menunjukkan tentang perbandingan peratusan sampel terhadap kekerapan dalam melayari internet. Bagi sampel SMKA, dalam kategori kerap adalah 11.1%(1), 66.7%(6) agak kerap, dan

Jadual 15 Perbandingan peratusan kekerapan sampel dalam melayari internet

Guna komputer untuk % (N)	Sekolah			SMA JAIS			Jumlah 100%	
	K	AK	SJ	K	AK	SJ		
Melayari internet	11.1(1)	66.7(6)	22.2(2)	(9)	37.5(6)	18.8(3)	43.8(7)	(16)

K = Kerap  
 AK = Agak kerap  
 SJ = Sangat jarang

22.2%(2) adalah sangat jarang. Manakala bagi sampel SMA JAIS pula, 37.5%(6) adalah kerap, 18.8%(3) agak kerap, dan 43.8%(7) adalah sangat jarang.

Melihat kepada analisis di atas, kekerapan penggunaan komputer untuk melayari internet adalah lebih kerap bagi guru-guru SMA JAIS berbanding dengan guru dari SMKA, tetapi dalam kategori sangat jarang, peratusan guru-guru dari SMA JAIS adalah tinggi berbanding dengan guru dari SMKA.

6. Apakah perbezaan dalam peratusan guru-guru terhadap tahap persetujuan terhadap kenyataan yang berkaitan dengan internet.

- i) Saya berasa amat bersalah jika tidak mengetahui bidang komputer dan internet.
- ii) Internet dapat membantu saya tentang maklumat semasa dan tentang pendidikan.
- iii) Internet sewajarnya diketahui oleh warga pendidik.
- iv) Internet lebih banyak memberikan keburukan dari kebaikan.
- v) Tidak mengetahui internet adalah lebih baik.

Merujuk kepada soalan di atas, data dalam Jadual 16, menunjukkan tentang perbandingan peratusan sampel terhadap persetujuan yang melibatkan kenyataan berkaitan internet. Merasa amat bersalah jika tidak mengetahui bidang komputer dan internet, bagi sampel SMKA, dalam kategori setuju adalah 66.7%(18), 22.2%(6) agak setuju, dan 11.1%(3) adalah tidak setuju. Manakala bagi sampel SMA JAIS

Jadual 16: Perbandingan peratusan sampej terhadap persetujuan tentang internet:

Tentang internet %(N)	Sekolah			SMA JAIS			Jumlah 100%	
	SMKA	S	AS	SMA JAIS	S	AS	TS	
Berasa bersalah	66.7(18)	22.2(6)	11.1(3)	(27)	67.6(23)	20.6(7)	11.8(4)	(34)
Maklumat semasa	65.2(15)	26.1(6)	8.7(2)	(24)	70.6(24)	29.4(10)	-	(34)
Wajar diketahui	59.3(16)	29.6(8)	11.1(3)	(27)	69.4(25)	27.8(10)	2.8(1)	(36)
Banyak buruk dari baik	11.5(3)	61.5(16)	26.9(7)	(26)	21.6(8)	62.2(23)	16.2(6)	(37)
Tak tahu lebih baik	16(4)	56(14)	28(7)	(25)	18.9(7)	56.8(21)	24.3(9)	(37)

S = Setuju  
 AS = Agak setuju  
 TS = Tidak setuju

pula, 67.6%(23) adalah setuju, 20.6%(7) agak setuju, dan 11.8%(4) adalah tidak setuju.

Tentang internet dapat membantu memberi maklumat semasa dan tentang pendidikan, bagi sampel SMKA, dalam kategori setuju adalah 65.2%(15), 26.1%(6) agak setuju, dan 8.7%(2) adalah tidak setuju. Manakala bagi sampel SMA JAIS pula, 70.6%(24) adalah setuju, 29.4%(10) agak setuju, dan tiada sampel yang tidak setuju.

Tentang internet sewajarnya diketahui oleh warga pendidik, bagi sampel SMKA, dalam kategori setuju adalah 59.3%(16), 29.6%(8) agak setuju, dan 11.1%(3) adalah tidak setuju. Manakala bagi sampel SMA JAIS pula, 69.4%(25) adalah setuju, 27.8%(10) agak setuju, dan 2.8%(1) tidak setuju.

Tentang internet lebih banyak keburukan dari kebaikan, bagi sampel SMKA, dalam kategori setuju adalah 11.5%(3), 61.5%(16) agak setuju, dan 26.9%(7) adalah tidak setuju. Manakala bagi sampel SMA JAIS pula, 21.6%(8) adalah setuju, 62.2%(23) agak setuju, dan 16.2%(6) tidak setuju.

Tentang kenyataan tidak mengetahui internet adalah lebih baik, bagi sampel SMKA, dalam kategori setuju adalah 16%(4), 56%(14) agak setuju, dan 28%(7)

adalah tidak setuju. Manakala bagi sampel SMA JAIS pula, 18.9%(7) adalah setuju, 56.8%(21) agak setuju, dan 24.3%(9) tidak setuju.

Secara keseluruhannya, dalam analisis ini, dapat dirumuskan bahawa guru-guru bersetuju untuk merasa bersalah jika mereka tidak mengetahui bidang komputer dan internet. Begitu juga terhadap lain-lain aspek yang berkaitan seperti komputer dapat memberikan maklumat tentang isu-isu semasa dan pendidikan. Malahan tidak terdapat peratusan guru yang tidak bersetuju dengan kenyataan yang dinyatakan. Ini dapat menggambarkan bahawa keperluan kemahiran terhadap penggunaan komputer dan internet adalah penting dan mereka amat positif.

7. Apakah perbezaan dalam peratusan guru-guru terhadap tahap persetujuan melalui beberapa kenyataan yang melibatkan permasalahan seperti yang dinyatakan.
  - i) Bahan rujukan tentang komputer dalam Bahasa Melayu amat sukar diperolehi.
  - ii) Tiada masa untuk mengikuti kursus atau mendalami ilmu perkomputeran.
  - iii) Saya amat kurang pendedahan tentang komputer.
  - iv) Saya tidak menjumpai perisian yang sesuai untuk pengajaran dan pembelajaran saya.

Merujuk kepada soalan di atas, data dalam Jadual 17, menunjukkan tentang

Jadual 17: Perbandingan peratusan sampel terhadap permasalahan yang dinyatakan

Tentang masalah Sekolah	SMKA			SMA JAIS			Jumlah 100%
	S	AS	TS	S	AS	TS	
Tiada rujukan BM	75(21)	25(7)	-	(28)	80.6(29)	16.7(6)	2.8(1)
Tiada masa	34.6(9)	42.3(11)	23.1(1)	(26)	41.7(15)	36.1(13)	22.2(8)
Kurang pendedahan	35.7(10)	46.4(13)	17.9(5)	(28)	52.8(19)	38.9(14)	8.3(3)
Tiada perisian sesuai	30.8(8)	38.5(10)	30.8(8)	(26)	20.7(6)	55.2(16)	24.1(7)

S = Setuju  
 AS = Agak setuju  
 TS = Tidak setuju

perbandingan peratusan sampel terhadap persetujuan yang melibatkan kenyataan berkaitan permasalahan yang dinyatakan. Tentang kesukaran untuk mendapatkan rujukan dalam Bahasa Melayu, bagi sampel SMKA, dalam kategori setuju adalah 75%(21), 25%(7) agak setuju, dan tiada sampel yang tidak setuju. Manakala bagi sampel SMA JAIS pula, 80.6%(29) adalah setuju, 16.7%(6) agak setuju, dan 2.8%(1) adalah tidak setuju.

Tentang tiada masa untuk mengikuti kursus atau mendalamai ilmu perkomputeran, bagi sampel SMKA, dalam kategori setuju adalah 34.6%(9), 42.3%(11) agak setuju, dan 23.1%(1) adalah tidak setuju. Manakala bagi sampel SMA JAIS pula, 41.7%(15) adalah setuju, 36.1%(13) agak setuju, dan 22.2%(8) adalah tidak setuju.

Tentang kurangnya pendedahan berkaitan ilmu perkomputeran, bagi sampel SMKA, dalam kategori setuju adalah 35.7%(10), 46.4%(13) agak setuju, dan 17.9%(5) adalah tidak setuju. Manakala bagi sampel SMA JAIS pula, 52.8%(19) adalah setuju, 38.9%(14) agak setuju, dan 8.3%(3) adalah tidak setuju.

Tentang tiadanya perisian yang sesuai untuk pengajaran dan pembelajaran, bagi sampel SMKA, dalam kategori setuju adalah 30.8%(8), 38.5%(10) agak setuju, dan 30.8%(8) adalah tidak setuju. Manakala bagi sampel

SMA JAIS pula, 20.7%(6) adalah setuju, 55.2%(16) agak setuju, dan 24.1%(7) adalah tidak setuju.

Melihat kepada analisis di atas, dapat dibuat kesimpulan bahawa majoriti guru-guru adalah bersetuju dengan kenyataan yang mereka sukar untuk mendapatkan bahan rujukan tentang komputer dalam Bahasa Melayu. Begitu juga terhadap permasalahan tentang tiadanya masa yang mencukupi untuk mengikuti kursus atau mendalami ilmu pengetahuan tentang komputer, kurangnya pendedahan, dan tiadanya perisian yang sesuai dengan pengajaran dan pembelajaran mereka. Ini bermakna, sewajarnya segala perkara-perkara yang berkaitan dengan permasalahan tersebut, pihak-pihak yang berkenaan seperti pihak sekolah, pihak jabatan, dan pihak kementerian berusaha untuk menangani permasalahan itu.

8. Apakah perbezaan dalam peratusan guru-guru dalam tahap persetujuan terhadap beberapa kenyataan seperti yang dinyatakan.
  - i) Penggunaan komputer wajar dilaksanakan dalam pengajaran dan pembelajaran.
  - ii) Bekerja dengan bantuan komputer menyeronokan saya.
  - iii) Penggunaan komputer banyak memberi pengalaman dan manfaat kepada saya dan pelajar-pelajar saya.
  - iv) Penggunaan komputer dapat mengujudkan suasana pembelajaran lebih menarik dan berkesan.

Jadual 18: Perbandingan peratusan sampel tentang penggunaan komputer

Tentang penggunaan komputer % (N)	Sekolah			SMKA			SMA JAIS		
	S	AS	TS	Jumlah 100%			S	AS	TS
				Jumlah 100%					
Wajar dalam P & P	74.1(20)	14.8(4)	11.1(3)	(27)	86.1(31)	13.9(5)	-	-	(36)
Menyeronokkan	70.4(19)	29.6(8)	-	(27)	97.1(34)	2.9(1)	-	-	(35)
Pengalaman	76.9(20)	15.4(4)	7.7(2)	(26)	79.4(27)	17.6(6)	2.9(1)	(34)	
Menarik & berkesan	84.6(22)	7.7(2)	7.7(2)	(26)	89.2(33)	10.8(4)	-	(37)	
Kurangkan beban	81.5(22)	14.8(4)	3.7(1)	(27)	100(37)	-	-	(37)	
Dorongan pengetua	77.8(21)	22.2(6)	-	(27)	100(37)	-	-	(37)	

S = Setuju  
 AS = Agak setuju  
 TS = Tidak setuju

- v) Komputer dapat mengurangkan kerja-kerja kertas dan beban kerja.
- vi) Dorongan pengetua penting dalam penggunaan komputer di sekolah.

Merujuk kepada soalan di atas, data dalam Jadual 18, menunjukkan tentang perbandingan peratusan sampel terhadap persetujuan yang melibatkan kenyataan berkaitan penggunaan komputer. Tentang Penggunaan komputer wajar dilaksanakan dalam pengajaran dan pembelajaran, bagi sampel SMKA, dalam kategori setuju adalah 74.1%(20), 14.8%(4) agak setuju, dan 11.1%(3) tidak setuju. Manakala bagi sampel SMA JAIS pula, 86.1%(31) adalah setuju, 13.9%(5) agak setuju, dan tiada sampel yang tidak setuju.

Tentang bekerja dengan bantuan komputer menyeronokkan, bagi sampel SMKA, dalam kategori setuju adalah 70.4%(19), 29.6%(8) agak setuju, dan tiada sampel yang tidak setuju. Manakala bagi sampel SMA JAIS pula, 97.1%(34) adalah setuju, 2.9%(1) agak setuju, dan tiada sampel yang tidak setuju.

Tentang penggunaan komputer banyak memberi pengalaman dan manfaat kepada guru dan pelajar, bagi sampel SMKA, dalam kategori setuju adalah 76.9%(20), 15.4%(4) agak setuju, dan 7.7%(2) tidak setuju. Manakala bagi sampel SMA JAIS pula, 79.4%(27) adalah setuju, 17.6%(6) agak setuju, dan 2.9%(1) tidak setuju.

Tentang komputer dapat mengujudkan suasana pembelajaran lebih menarik dan berkesan, bagi sampel SMKA, dalam kategori setuju adalah 84.6%(22), 7.7%(2) agak setuju, dan 7.7%(2) juga tidak setuju. Manakala bagi sampel SMA JAIS pula, 89.2%(33) adalah setuju, 10.8%(4) agak setuju, dan tiada sampel yang tidak setuju.

Tentang komputer dapat mengurangkan beban kerja dan kertas, bagi sampel SMKA, dalam kategori setuju adalah 81.5%(22), 14.8%(4) agak setuju, dan 3.7%(1) tidak setuju. Manakala bagi sampel SMA JAIS pula, 100%(37) adalah setuju dengan kenyataan ini.

Tentang dorongan pengetua penting dalam penggunaan komputer di sekolah, bagi sampel SMKA, dalam kategori setuju adalah 77.8%(21), 22.2%(6) agak setuju, dan tiada sampel yang tidak setuju. Manakala bagi sampel SMA JAIS pula, 100%(37) adalah setuju dengan kenyataan ini.

Melihat kepada analisis di atas, dapat dibuat kesimpulan bahawa majoriti dari guru di kedua-dua sekolah bersetuju tentang wajarnya penggunaan komputer dalam pendidikan, dan bekerja dengan bantuan komputer amat menyeronokan. Penggunaan komputer banyak memberi pengalaman dan manfaat kepada para guru dan pelajar. Ia juga dapat membantu untuk mengujudkan suasana pembelajaran yang lebih menarik dan berkesan, komputer dapat mengurangkan beban kerja dan kertas, dan dorongan pengetua. Dengan itu, tahap

peratusan persetujuan oleh guru-guru kepada aspek-aspek yang dinyatakan oleh penyelidik adalah tinggi. Ini dapat membuktikan dengan **jelas bahawa persepsi guru-guru adalah positif.**

9. Apakah perbezaan dalam peratusan guru-guru terhadap tahap persetujuan dari beberapa kenyataan untuk mempertingkatkan kemahiran dalam penggunaan komputer.

- i) Peluang menghadiri kursus/ bengkel/ seminar mengenai komputer dalam pendidikan harus ditingkatkan.
- ii) Bimbingan/ tunjuk ajar dari pakar-pakar sentiasa diperlukan.
- iii) Program latihan yang terancang diperlukan dalam perlaksanaan perkomputeran sekolah.
- iv) Pembentukan pasukan petugas khas dalam perlaksanaan perkomputeran di sekolah/ di PKG/ dan PPD diperlukan.
- v) Sekolah harus menyediakan komputer yang mencukupi untuk kegunaan guru.
- vi) Kementerian/ jabatan harus terlibat secara aktif dalam perlaksanaan perkomputeran di sekolah dengan membekalkan perkakasan dan perisian.

Merujuk kepada soalan di atas, data dalam Jadual 19, menunjukkan tentang perbandingan peratusan sampel terhadap persetujuan yang melibatkan peningkatan kemahiran dalam penggunaan komputer. Tentang peluang menghadiri

Jadual 19: Perbandingan peratusan sampel dalam meningkatkan kemahiran penggunaan komputer

Tingkattkan kemahiran komputer % (N)	Sekolah			SMA JAIS			Jumlah 100%	
	SMKA			SMA JAIS				
	S	AS	TS	S	AS	TS		
Peluang hadiri kursus	71.4(20)	25(7)	3.6(1)	(28)	94.4(34)	5.6(2)	(36)	
Bimbangan pakar	82.1(23)	14.3(4)	3.6(1)	(28)	88.9(32)	-	(36)	
Latihan terancang	77.8(21)	22.2(6)	-	(27)	97.3(36)	2.7(1)	(37)	
Petugas khas	85.2(23)	14.8(4)	-	(27)	94.6(35)	5.4(2)	(37)	
Sediakan komputer	92.6(25)	7.4(2)	-	(27)	94.6(35)	5.4(2)	(37)	
Penglibatan Kem./ Jab.	85.2(23)	14.8(4)	-	(27)	91.7(33)	8.3(3)	(36)	

S = Setuju  
 AS = Agak setuju  
 TS = Tidak setuju

kursus/ bengkel/ seminar mengenai komputer dalam pendidikan harus ditingkatkan, bagi sampel SMKA, dalam kategori setuju adalah 71.4%(20), 25%(7) agak setuju, dan 3.6%(1) tidak setuju. Manakala bagi sampel SMA JAIS pula, 94.4%(34) adalah setuju, 5.6%(2) agak setuju, dan tiada sampel yang tidak setuju.

Tentang bimbingan/ tunjuk ajar dari pakar, bagi sampel SMKA, dalam kategori setuju adalah 82.1%(23), 14.3%(4) agak setuju, dan 3.6%(1) tidak setuju. Manakala bagi sampel SMA JAIS pula, 88.9%(32) adalah setuju, 11.1%(4) agak setuju, dan tiada sampel yang tidak setuju.

Tentang program latihan yang terancang dalam perlaksanaan perkomputeran, bagi sampel SMKA, dalam kategori setuju adalah 77.8%(21), 22.2%(6) agak setuju, dan tiada sampel yang tidak setuju. Manakala bagi sampel SMA JAIS pula, 97.3%(36) setuju, 2.7%(1) agak setuju, dan tiada sampel yang tidak setuju dengan kenyataan ini.

Tentang pembentukan pasukan petugas khas dalam perlaksanaan perkomputeran di PKG dan PPD, bagi sampel SMKA, dalam kategori setuju adalah 85.2%(23), 14.8%(4) agak setuju, dan tiada sampel yang tidak setuju. Manakala bagi sampel SMA JAIS pula, 94.6%(35) setuju, 5.4%(2) agak setuju, dan tiada sampel yang tidak setuju dengan kenyataan ini.

Tentang penyediaan komputer yang mencukupi oleh sekolah untuk kegunaan guru, bagi sampel SMKA, dalam kategori setuju adalah 92.6%(25), 7.4%(2) agak setuju, dan tiada sampel yang tidak setuju. Manakala bagi sampel SMA JAIS pula, 94.6%(35) setuju, 5.4%(2) agak setuju, dan tiada sampel yang tidak setuju dengan kenyataan ini.

Tentang penglibatan aktif oleh kementerian dan jabatan dalam perlaksanaan perkomputeran, bagi sampel SMKA, dalam kategori setuju adalah 85.2%(23), 14.8%(4) agak setuju, dan tiada sampel yang tidak setuju. Manakala bagi sampel SMA JAIS pula, 91.7%(33) setuju, 8.3%(3) agak setuju, dan tiada sampel yang tidak setuju dengan kenyataan ini.

Secara keseluruhannya, berdasarkan daripada analisis di atas, para guru amat mengharapkan adanya peluang-peluang untuk menghadiri kursus, bimbingan oleh pakar-pakar, latihan-latihan yang terancang, pembentukan pasukan petugas khas, penyediaan komputer yang mencukupi, dan penglibatan aktif oleh pihak kementerian dan jabatan.

10. Adakah terdapat hubungan yang signifikan di antara kekerapan penggunaan komputer dengan menaip dokumen dan surat/ soalan ujian/ peperiksaan mengikut sekolah?

Jadual 20: Hubungan di antara kekerapan penggunaan komputer dengan menaip dokumen dan surat/ soalan ujian/ peperiksaan mengikut sekolah

**Kekerapan guna komputer**

	Selalu	Kadang-kadang	Jarang
Menaip dokumen/ soalan	% (N)		
<b>SMKA</b>			
Kerap	80.0(8)	20.0(3)	-
Agak kerap	20.0(2)	53.3(8)	33.3(1)
Sangat jarang	-	26.7(4)	66.7(2)
Jumlah	100(10)	100(15)	100(3)
<b>SMA JAIS</b>			
Kerap	50.0(7)	20.0(2)	-
Agak kerap	50.0(7)	50.0(5)	100(3)
Sangat jarang	-	30.0(3)	-
Jumlah	100(14)	100(10)	100(3)

**SMKA**  
**Likelihood Ratio : 15.479**  
**df : 4**  
**Sig. : 0.001**  
**Somers'd : 0.653**

**SMA JAIS**  
**Likelihood Ratio : 10.591**  
**df : 4**  
**Sig. : 0.001**  
**Somers'd : 0.382**

Data dalam Jadual 20, menunjukkan bahawa di SMKA, sampel yang kerap menaip dokumen/ surat/ soalan ujian/ peperiksaan, adalah 80%(8) dari kalangan yang selalu menggunakan komputer, 20%(3) dari kalangan yang kadang-kadang menggunakan komputer, dan tiada terdapat bilangan sampel pada yang jarang menggunakan komputer.

Sampel yang agak kerap menaip dokumen/ surat/ soalan ujian/ peperiksaan pula adalah 20%(2) dari kalangan yang selalu menggunakan komputer, 53.3%(8)

dari kalangan yang kadang-kadang menggunakan komputer, dan 33.3%(1) sampel pada yang jarang menggunakan komputer.

Sampel yang sangat jarang menaip dokumen/ surat/ soalan ujian/ peperiksaan pula, adalah tiada terdapat bilangan sampel dari kalangan yang selalu menggunakan komputer, 26.7%(4) dari kalangan yang kadang-kadang menggunakan komputer, dan 66.7%(2) sampel pada yang jarang menggunakan komputer.

Manakala bagi sampel dari SMA JAIS pula, sampel yang kerap menaip dokumen/ surat/ soalan ujian/ peperiksaan, adalah 50%(7) dari kalangan yang selalu menggunakan komputer, 20%(2) dari kalangan yang kadang-kadang menggunakan komputer, dan tiada terdapat bilangan sampel pada yang jarang menggunakan komputer.

Sampel yang agak kerap menaip dokumen/ surat/ soalan ujian/ peperiksaan pula adalah 50%(7) dari kalangan yang selalu menggunakan komputer, 50%(5) dari kalangan yang kadang-kadang menggunakan komputer, dan 100%(3) sampel pada yang jarang menggunakan komputer.

Sampel yang sangat jarang menaip dokumen/ surat/ soalan ujian/ peperiksaan, adalah tiada terdapat bilangan sampel dari kalangan yang selalu menggunakan komputer, 30%(3) dari kalangan yang kadang-kadang menggunakan

komputer, dan tiada terdapat bilangan sampel pada yang jarang menggunakan komputer.

Daripada analisis itu, di SMKA, nilai Chi-Square Likelihood Ratio ialah 15.479, dengan df ialah 4, dan signifikan ialah 0.001. Ini menunjukkan bahawa terdapatnya hubungan yang signifikan di antara kekerapan penggunaan komputer dengan tujuan menaip dokumen/ surat/ soalan ujian/ peperiksaan mengikut sekolah SMKA. Nilai Somers'd dengan tujuan menaip tersebut sebagai pembolehubah bersandar ialah 0.653.

Manakala di SMA JAIS pula, nilai Chi-Square Likelihood Ratio ialah 10.591, dengan df ialah 4, dan signifikan ialah 0.001. Ini menunjukkan bahawa terdapatnya hubungan yang signifikan di antara kekerapan penggunaan komputer dengan tujuan menaip dokumen/ surat/ soalan ujian/ peperiksaan mengikut sekolah SMA JAIS. Nilai Somers'd dengan tujuan menaip tersebut sebagai pembolehubah bersandar ialah 0.382.

Melihat kepada analisis bagi soalan ini, hasil kajian tentang hubungan antara pembolehubah yang terpilih itu, menunjukkan bahawa adanya hubungan yang signifikan antara kekerapan penggunaan komputer dengan tujuan untuk menaip dokumen/ surat, soalan ujian/ peperiksaan.

11. Adakah terdapat hubungan yang signifikan di antara kekerapan penggunaan

komputer dengan bermain 'computer games' mengikut sekolah?

Jadual 21: Hubungan di antara kekerapan penggunaan komputer dengan tujuan bermain 'computer games' mengikut sekolah

	Kekerapan guna komputer		
	Selalu	Kadang-kadang	Jarang
Bermain 'computer games'	% (N)		
<b>SMKA</b>			
Kerap	44.4(4)	16.7(2)	-
Agak kerap	44.4(4)	25.0(3)	-
Sangat jarang	11.1(1)	58.3(7)	100(3)
Jumlah	100(9)	100(12)	100(3)
<b>SMA JAIS</b>			
Kerap	72.7(8)	-	33.3(1)
Agak kerap	18.2(2)	25.0(2)	-
Sangat jarang	9.1(1)	75.0(6)	66.7(2)
Jumlah	100(11)	100(8)	100(3)

**SMKA**  
**Likelihood Ratio : 10.649**  
**df : 4**  
**Sig. : 0.001**  
**Somers'd : 0.550**

**SMA JAIS**  
**Likelihood Ratio : 16.289**  
**df : 4**  
**Sig. : 0.001**  
**Somers'd : 0.600**

Data dalam Jadual 21, menunjukkan bahawa di SMKA, sampel yang kerap bermain 'computer games', adalah 44.4%(4) dari kalangan yang selalu menggunakan komputer, 16.7%(2) dari kalangan yang kadang-kadang menggunakan komputer, dan tiada terdapat bilangan sampel yang bermain 'computer games' pada yang jarang menggunakan komputer.

Sampel yang agak kerap bermain 'computer games' juga adalah 44.4%(4) dari kalangan yang selalu menggunakan komputer, 25%(3) dari kalangan yang kadang-kadang menggunakan komputer, dan tiada terdapat bilangan sampel yang bermain 'computer games' pada yang jarang menggunakan komputer.

Sampel yang sangat jarang bermain 'computer games', 11.1%(1) adalah dari kalangan yang selalu menggunakan komputer, 58.3%(7) dari kalangan yang kadang-kadang menggunakan komputer, dan 100%(3) sampel pada yang jarang menggunakan komputer.

Manakala bagi sampel dari SMA JAIS pula, sampel yang kerap bermain 'computer games', adalah 72.7%(8) dari kalangan yang selalu menggunakan komputer, tiada bilangan sampel bermain 'computer games' dari kalangan yang kadang-kadang menggunakan komputer, dan 33.3%(1) pada yang jarang menggunakan komputer.

Sampel yang agak kerap bermain 'computer games' pula adalah 18.2%(2) dari kalangan yang selalu menggunakan komputer, 25%(2) dari kalangan yang kadang-kadang menggunakan komputer, dan tiada terdapat bilangan sampel pada yang jarang menggunakan komputer.

Sampel yang sangat jarang bermain 'computer games', adalah 9.1%(1) dari kalangan yang selalu menggunakan komputer, 75%(6) dari kalangan yang kadang-

kadang menggunakan komputer, dan 66.7%(2) pada yang jarang menggunakan komputer.

Daripada analisis itu, di SMKA, nilai Chi-Square Likelihood Ratio ialah 10.649, dengan df ialah 4, dan signifikan ialah 0.001. Ini menunjukkan bahawa terdapatnya hubungan yang signifikan di antara kekerapan penggunaan komputer dengan bermain 'computer games' mengikut sekolah SMKA. Nilai Somers'd dengan bermain 'computer games' sebagai pembolehubah bersandar ialah 0.550.

Manakala di SMA JAIS pula, nilai Chi-Square Likelihood Ratio ialah 16.289, dengan df ialah 4, dan signifikan ialah 0.001. Ini menunjukkan bahawa terdapatnya hubungan yang signifikan di antara kekerapan penggunaan komputer dengan tujuan bermain 'computer games' mengikut sekolah SMA JAIS. Nilai Somers'd dengan bermain 'computer games' sebagai pembolehubah bersandar ialah 0.600.

Melihat kepada analisis bagi soalan ini, hasil kajian tentang hubungan antara pembolehubah yang terpilih itu, menunjukkan bahawa adanya hubungan yang signifikan antara kekerapan penggunaan komputer dengan tujuan penggunaan untuk bermain 'computer games'.

12. Adakah terdapat hubungan yang signifikan di antara kekerapan penggunaan komputer dengan melayari internet mengikut sekolah?

Jadual 22: Hubungan di antara kekerapan penggunaan komputer dengan melayari internet mengikut sekolah

	Kekerapan guna komputer		
	Selalu	Kadang-kadang	Jarang
Melayari internet	% (N)		
<b>SMKA</b>			
Kerap	20.0(1)	-	-
Agak kerap	80.0(4)	50.0(2)	-
Sangat jarang	-	50.0(2)	-
Jumlah	100(5)	100(4)	-
<b>SMA JAIS</b>			
Kerap	71.4(5)	-	33.3(1)
Agak kerap	14.3(1)	40.0(2)	-
Sangat jarang	14.3(1)	60.0(3)	66.7(2)
Jumlah	100(7)	100(5)	100(3)

**SMKA**  
**Likelihood Ratio : 4.727**  
**df : 2**  
**Sig. : 0.007**  
**Somers'd : 0.600**

**SMA JAIS**  
**Likelihood Ratio : 9.950**  
**df : 4**  
**Sig. : 0.025**  
**Somers'd : 0.493**

Data dalam Jadual 22, menunjukkan bahawa di SMKA, sampel yang kerap melayari internet, ialah 20%(1) dari kalangan yang selalu menggunakan komputer, tiada terdapat bilangan sampel dari kalangan yang kadang-kadang menggunakan komputer, dan begitu juga dari kalangan yang jarang menggunakan komputer.

Sampel yang agak kerap melayari internet pula adalah 80%(4) dari kalangan yang selalu menggunakan komputer, 50%(2) dari kalangan yang kadang-kadang menggunakan komputer, dan tiada terdapat bilangan sampel pada yang jarang menggunakan komputer.

Sampel yang sangat jarang melayari internet pula, tiada terdapat bilangan sampel dari kalangan yang selalu menggunakan komputer, 50%(2) dari kalangan yang kadang-kadang menggunakan komputer, dan tiada terdapat bilangan sampel pada yang jarang menggunakan komputer.

Manakala bagi sampel dari SMA JAIS pula, sampel yang kerap melayari internet, adalah 71.4%(5) dari kalangan yang selalu menggunakan komputer, tiada terdapat bilangan sampel dari kalangan yang kadang-kadang menggunakan komputer, dan 33.3%(1) pada yang jarang menggunakan komputer.

Sampel yang agak kerap melayari internet pula adalah 14.3%(1) dari kalangan yang selalu menggunakan komputer, 40%(2) dari kalangan yang kadang-kadang menggunakan komputer, dan tiada terdapat bilangan sampel pada yang jarang menggunakan komputer.

Sampel yang sangat jarang melayari internet, adalah 14.3%(1) dari kalangan yang selalu menggunakan komputer, 60%(3) dari kalangan yang kadang-kadang menggunakan komputer, dan 66.7%(2) pada yang jarang menggunakan komputer.

Daripada analisis itu, di SMKA, nilai Chi-Square Likelihood Ratio ialah 4.727, dengan df ialah 2, dan signifikan ialah 0.007. Ini menunjukkan bahawa terdapatnya hubungan yang signifikan di antara kekerapan penggunaan komputer dengan melayari internet mengikut sekolah SMKA. Nilai Somers'd dengan melayari internet sebagai pembolehubah bersandar ialah 0.600.

Manakala di SMA JAIS pula, nilai Chi-Square Likelihood Ratio ialah 9.950, dengan df ialah 4, dan signifikan ialah 0.025. Ini menunjukkan bahawa terdapatnya hubungan yang signifikan di antara kekerapan penggunaan komputer dengan melayari internet mengikut sekolah SMA JAIS. Nilai Somers'd dengan melayari internet sebagai pembolehubah bersandar ialah 0.493.

Melihat kepada analisis bagi soalan ini, hasil kajian tentang hubungan antara pembolehubah yang terpilih itu, menunjukkan bahawa adanya hubungan yang signifikan antara kekerapan penggunaan komputer dengan tujuan penggunaan untuk melayari internet.